

09/04/1997

Nasib bahasa Melayu di tangan bangsanya

SABTU lalu saya memberanikan diri memandu kereta mengharungi kesesakan lalu lintas di bandar raya yang terkenal dengan kesibukannya setiap Sabtu kerana ingin mendengar syarahan Raja Ali Haji 1997, yang disampaikan oleh Datuk Hassan Ahmad di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Syarahan itu ditaja bersama oleh Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tajuk syarahan 'Dasar Bahasa Kebangsaan dan Cabarannya'.

Memikirkan sudah lama orang tidak membicarakan dasar bahasa kebangsaan secara terbuka kecuali dalam makalah, majalah dan akhbar dan penceramahnyanya adalah bekas Ketua Pengarah DBP yang satu masa dulu tokoh pejuang bahasa kebangsaan, rasa nostalgik mendorong saya menghadirinya. Tambah lagi saya perhatikan kebelakangan ini bahasa kebangsaan semakin jauh daripada arus perdana kehidupan di Malaysia; baik dalam politik, pendidikan, apatah lagi ekonomi. Judul syarahan sudah cukup mencabar dan melambangkan kedudukan bahasa kebangsaan kini.

Pada 31 Mac lalu, saya terbaca berita dalam sebuah akhbar Inggeris, seorang penuntut memenangi tanah lot banglo bernilai lebih RM200,000 kerana mengarang sebuah puisi memuji kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini sudah sepatutnya, tetapi puisi itu dalam bahasa Inggeris.

Pada hemat saya jika peraduan itu bertujuan menaikkan semangat kebangsaan Malaysia, patutlah ia diadakan dalam bahasa Melayu. Begitulah nampaknya kedudukan bahasa Melayu kini.

Entah kerana dorongan yang serupa atau kerana ingin menjenguk rakan lama pejuang bahasa kebangsaan dulu, Aishah Ghani, Aziz Pustaka Antara, Abdullah Hussein, Bong Asraf dan beberapa lagi turut hadir.

Bukan saja beberapa ciri syarahan Hassan menusuk perasaan dan membangkitkan semula kenangan perjuangan lama, tetapi perbualan yang sempat dilakukan sebelum dan selepas ceramah menambah lagi persepsi kepada persoalan bahasa kebangsaan kini.

Menggalurkan pertumbuhan dan perkembangan dasar bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Tanah Melayu merdeka, Hassan mengemukakan empat perubahan besar. Pertama, bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan seluruh negara, bukan untuk orang Melayu saja. Kedua, bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Ketiga, bahasa Melayu sebagai alat pengantar utama sistem pendidikan negara. Keempat, kedudukan bahasa Inggeris sebagai kedua wajib bagi pendidikan.

Hassan menegaskan tiap satu perubahan yang membabitkan penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dalam situasi yang empat itu tidak menjejaskan pembangunan atau kemajuan yang ingin dikecapi Malaysia merdeka. Bahkan ia menyumbang ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia.

Peruntukan Perlembagaan, undang-undang, mahupun peraturan pentadbiran bukan saja menjelaskan kedudukan dan fungsi bahasa Melayu, tetapi juga menjelaskan hak, kedudukan dan fungsi bahasa Inggeris serta bahasa kumpulan etnik di negara ini.

Cabaran awal terhadap pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam masyarakat Malaysia dipengaruhi pelbagai faktor. Antaranya faktor politik yang melihat isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi dari segi politik perkauman yang tebal ketika itu. Faktor prasangka yang melihat daripada awal ketidakmampuan bahasa Melayu sebagai 'bahasa rasmi, bahasa ilmu, bahasa kemajuan'.

Cabaran ini terjawab ketika kerajaan pimpinan Melayu melaksanakan dasar bahasa kebangsaan sehingga baru-baru ini. Seperti kata Hassan:

"Pentadbiran kerajaan selepas 1957 atau 1967 tidak kucar-kacir, tidak lemah, tidak merosot ... malah dalam 1980-an kita sering mendengar pemimpin negara dan ketua sektor pentadbiran awam memuji kecekapan pentadbiran awam negara ini ... terbaik di dunia."

Begitu juga bidang pendidikan: Adakah terlaksananya pengantar bahasa Melayu di sekolah dan di universiti membantut pertumbuhan sistem pendidikan kita dan gagal mencapai kecemerlangan?

Tohmah politik bahawa penggunaan bahasa Melayu, terutama dalam bidang pendidikan, cuma menguntungkan murid Melayu disangkal.

Bukan saja di sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, malah di universiti yang menggunakan bahasa Melayu. Semakin ramai pelajar bukan Melayu memperoleh kelulusan kelas pertama dan kedua atas. Juga pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak memusnahkan bahasa lain di Malaysia.

Tetapi selepas 30 tahun, isu bahasa kebangsaan berkocak semula. Hassan memberi dua faktor yang menimbulkan `krisis baru itu'. Pertama, apabila dipersoalkan semula kemampuan bahasa Melayu sebagai `bahasa kemajuan', terutama sebagai pengantar kepada ilmu sains dan teknologi. Yang lebih menonjol ialah faktor kedua, `kesalahan orang Melayu sendiri'.

Bagi yang pertama, Hassan menyalahkan masalah budaya bahasa yang timbul apabila dasar bahasa yang sedang berjalan lancar dikacau hingga ia menjadi kabur dan pelaksanaannya melahirkan keraguan yang sepatutnya sudah disemadikan. Punca krisis itu apabila ada pihak yang mencampuradukkan fungsi bahasa utama dengan bahasa kedua:

Bahasa utama tinggal sebagai `bahasa perpaduan' sementara bahasa kedua menjadi `bahasa kemajuan' yang penting. Mungkin Hassan mengingati semula apabila orang menjadikan bahasa kebangsaan sebagai `bahasa untuk diragakan' sementara bahasa Inggeris sebagai `isi' mengejar pembangunan.

Walaupun tidak melahirkannya dengan kata yang tepat, kita faham bahawa Hassan mempersoalkan dasar yang dilaksanakan pemimpin Melayu, sama ada politik, ekonomi, pendidikan atau sebaran am yang menempatkan bahasa Melayu seolah-olah penyekat kemajuan negara dalam era globalisasi ini.

Kita faham sentimen beliau: Jika kepemimpinan Melayu sebulat suara ketika memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang mencorakkan negara, sekarang pemimpin tidak sekata apabila melihat bahasa Melayu sebagai wadah memajukan bangsa. Tambah lagi proses `detrionalisation' sudah dialami orang Melayu.

Kata Hassan: "Kita melihat bahasa Melayu semakin terpisah daripada proses pemaian negara yang sedang berlaku dengan cepat. Bagaimanakah bahasa rasmi itu dapat terus berpengaruh, bernilai dan maju jika ia tidak digunakan sebagai bahasa kemajuan negara?"

Faktor kedua yang dikemukakan Hassan lebih menarik. Beliau tidak saja melihat akhir-akhir ini kurangnya perhatian pemimpin Melayu terhadap bahasa kebangsaan bahkan beliau mencabar golongan yang disebut sarjana, cendekiawan, ilmuwan dan akademik kerana gagal mengisi cita-cita menjadikan bahasa Melayu bahasa ilmu, dan seterusnya bahasa kemajuan.

Sebagai rumusan beliau menegaskan krisis yang timbul itu berpunca daripada orang Melayu sendiri.

Orang Melayulah yang mesti membetulkan kelakuan, sikap atau tanggapan dan semangat mereka terhadap bahasa Melayu, jika tidak siapa lagi yang dapat kita serahkan tanggungjawab menyelesaikan masalah ini?

Lantas beliau mengesyorkan satu pertemuan raksasa orang Melayu daripada pemimpin politik, cendekiawan, ahli perniagaan dan sebagainya membincangkan segala masalah, cabaran dan ancaman yang dihadapi bahasa Melayu hari ini.

Sarahan Hassan boleh kita renungi, tetapi saya sangsi apakah pertemuan itu menemukan kesepakatan. Tidak seperti waktu memperjuangkan kemerdekaan

dulu, sokongan bulat orang Melayu ketika itu didorong hasrat melihat Tanah Melayu merdeka berwatakkan ciri kemelayuan. Bukan saja bahasa Melayu, bahkan budaya Melayu adalah tonggak bangsa yang dilahirkan.

Soal kedudukan ekonomi lebih kepada pembasmian kemiskinan di kalangan orang Melayu.

Keadaan kini sudah berubah dan wadah politik Melayu berubah apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) melahirkan golongan `OKB' Melayu, yang sesetengahnya atas daya usaha sendiri dan selainnya terpilih untuk `mengibarkan bendera kejayaan Melayu' kata seorang penulis.

Kejayaan ini mempengaruhi masyarakat Melayu. Mereka yang ingin mengikut jejak langkah mereka yang berjaya menggelar diri mereka Melayu Baru.

Dengan `baru' mereka mahu meninggalkan tradisi Melayu dan ingin memeluk nilai baru. Ini tidak terhad kepada orang politik atau ahli perniagaan saja, bahkan sarjana, cendekiawan atau sesiapa saja.

Satu petanda Melayu Baru ialah soal seperti kebudayaan kebangsaan atau bahasa kebangsaan sudah tidak relevan lagi dan yang diperjuangkan kini ialah kemajuan.

Sebenarnya isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan samalah seperti nasib kebanyakan orang Melayu. Seperti kata seorang pegawai bandar raya selepas ceramah, semua pegawai daerah selepas Inggeris dalam daerah Kuala Lumpur Melayu, tetapi kenapa tanah yang diperuntukkan kepada orang Melayulah yang selalu ditimpa banjir apabila hujan, sementara tanah yang baik kedudukannya kepunyaan orang lain?

Begitulah nasib Melayu. Nasib bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga begitu, tidak bermakna orang Melayu yang mencorakkan penggunaannya maka ia menjadi bahasa kebangsaan secara de facto.

(END)